

**NO. SOALAN: 24**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL  
[ PAYA BESAR ]**

**TARIKH : 24 MAC 2014**

**RUJUKAN : 6534**

**SOALAN:**

**Dato' Abdul Manan bin Ismail [ Paya Besar ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah rakyat asing yang ditangkap bekerja sebagai tukang urut, pelayan pelanggan (GRO) dan aktiviti pelacuran serta senaraikan rakyat asing yang ditangkap itu mengikut negara masing-masing pada tahun 2010, 2011, 2012, 2013 dan tiga bulan pertama tahun 2014.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Pelacuran adalah merupakan satu kesalahan jenayah yang ditakrifkan di bawah Kanun Keseksaan di bawah Seksyen 372 Kanun Keseksaan (*iaitu menyalah guna mana-mana orang bagi tujuan persundalan*) dan Seksyen 373 Kanun Keseksaan (*iaitu pengawalan rumah-rumah persundalan*). Pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) khasnya Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ) amat peka dan sensitif kepada isu-isu pelacuran di negara ini khasnya melibatkan pelacur di kalangan warga tempatan dan juga warganegara asing. Beberapa langkah telah diambil oleh pihak PDRM iaitu Bahagian Pencegahan Maksiat, Perjudian Dan Kongsi Gelap untuk membanteras kegiatan yang dijalankan oleh orang-orang perseorangan dan juga sindiket yang secara tidak langsung menjelaskan imej negara.**

**Statistik tangkapan warga asing yang terlibat dengan pelacuran, GRO dan pekerja rumah urut bagi tahun 2010 sehingga 2014 (Januari) seperti berikut:-**

<b>NEGARA</b>	<b>2010</b>	<b>2011</b>	<b>2012</b>	<b>2013</b>	<b>2014 (Jan)</b>
CHINA	6,378	5,922	5,165	4,220	341
INDONESIA	1,508	1,208	1,418	1,258	123
THAILAND	1,854	1,492	2,009	3,158	424
VIETNAM	1,308	2,169	3,456	4,862	636
FILIPINA	1,270	750	845	465	42
MYANMAR	105	112	114	130	32
INDIA	62	67	139	110	14
UZBEKISTAN	26	12	70	6	8
LAOS	21	14	30	36	4
KAMPUCHEA	31	36	70	171	23
NEPAL	3	0	0	16	0
BANGLADESH	36	34	48	58	6
MONGOLIA	5	1	8	0	0
NIGERIA	3	8	10	85	19
KHYZTAN	0	0	0	1	0
KAZAKHSTAN	3	0	0	0	0
SINGAPURA	1	0	2	1	1
MOLDOVA	1	0	0	0	0
TAJIKISTAN	0	0	7	4	0
RUSSIA	0	0	1	9	2
VENEZUELA	0	0	0	0	1
PAKISTAN	0	0	0	9	0
KOREA	14	0	0	0	0
NETHERLANDS	1	0	0	0	0
TAIWAN	0	1	0	4	0
UGANDA	0	4	19	1	1
SRI LANKA	1	0	6	18	1
HONG KONG	0	0	1	0	0
MORROCO	0	0	4	0	0
KENYA	0	0	6	0	0
TURKI	0	0	0	10	0
UKRAINE	0	0	0	4	0
KENYA	0	0	6	0	0
AFRIKA	0	2	0	0	0
IRAQ	0	0	0	1	0
IRAN	0	0	0	1	0
<b>JUMLAH</b>	<b>12,631</b>	<b>11,832</b>	<b>13,434</b>	<b>14,638</b>	<b>1,678</b>

**Kegiatan pelacuran akan terus berlaku selagi terdapat permintaan, kerana keuntungan yang tinggi dan tidak memerlukan modal yang besar menjadikan mereka tamak dan sanggup membelakangkan undang-undang. Kesan sosial yang diakibatkan oleh gejala pelacuran ini tidak harus diletakkan kesalahan ke atas pihak berkuasa sahaja tetapi masyarakat setempat juga perlu turut berganding bahu untuk membendung masalah ini daripada berleluasa.**